

PEMAKLUMAN TERKINI
ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI MALAYA KE-63
(25 NOVEMBER – 2 DISEMBER 2023)

Sukacita dimaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya ke-63 akan diadakan bermula pada 25 November hingga 2 Disember 2023 bertempat di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

Istiadat Konvokesyen ini bakal melibatkan lebih 7,000 graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian mengikut kelulusan Senat dari bulan Oktober 2022 hingga September 2023.

Sehubungan itu, para graduan dinasihatkan untuk merancang dan mengatur perjalanan serta urusan lain mengikut ketetapan yang telah dimaklumkan bagi mengelakkan sebarang kesulitan. Berikut adalah tarikh-tarikh penting bagi konvokesyen:

| Bil. | Aktiviti | Tarikh |
|------|--|--------------------|
| 1. | Pengambilan Pakaian Akademik | 20.11.2023 (Isnin) |
| 2. | Konvokesyen (Sidang UMCCed) | |
| | i. Sidang 14 (Pagi) – Diploma | 02.12.2023 (Sabtu) |
| | ii. Sidang 15 (Petang) – Diploma Eksekutif | |

Bagi graduan Diploma dan Diploma Eksekutif, maklumat lanjut dan terkini mengenai Istiadat Konvokesyen UM ke-63 serta pengemaskinian **maklumat diri perlu dibuat di laman web rasmi <https://ekonvo.umcced.edu.my> bermula 1 November 2023.** Para graduan juga diminta untuk sentiasa melayari laman web tersebut dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat terkini. Manakala laman web <https://umconvo.um.edu.my/> boleh dilayari untuk rujukan.

Terima kasih.

Berbakti untuk Negara. Memberi impak pada Dunia.

Sekretariat

Jawatankuasa Induk Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya
(Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya)

17 Oktober 2023